

Lupus bot nelayan asing

AGENCI Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) telah melupuskan 90 bot nelayan asing (BNA) yang dirampas kerana menceroboh perairan negara di Kelantan sejak 2015 hingga tahun ini. Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) APMM Mohd Norzam Mustafa berkata proses pelupusan itu dilakukan selepas bot-bot berkenaan dijucut hak oleh mahkamah. "Ada tiga lagi bot nelayan asing di Tok Bali, Pasir Puteh yang masih dalam proses mahkamah dijangka dilupuskan tahun ini. Tindakan melupuskan bot dilakukan bagi memberi amaran serta memastikan perairan negara kita bebas daripada dicerobohi oleh nelayan warga asing," katanya selepas menyaksikan proses penenggelaman BNA bersama tukun tiruan di perairan Kuala Besar. Program ini mencatat sejarah dalam Malaysia Book of Records apabila diiktiraf sebagai First Fishing Vessel with Artificial Concrete Reef berikutan berjaya melupuskan bot nelayan asing bersama tukun tiruan di perairan Kuala Besar.

HM
28/10/23
mls "

